



**DERAF
MANUAL PELAKSANAAN
INSENTIF MENINGKATKAN
PENGELUARAN BERAS BAGI SUB-
PROGRAM : KAPUR**

Lembaga Pertubuhan Peladang
Kuala Lumpur
22 Mei 2009

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	1
2.	Latarbelakang	1-2
3.	Tujuan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara	2
4.	Dasar Pemberian Kapur	3
5.	Pengendalian Program Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Bagi Sub-Program Kapur	4-5
6.	Modus Operandi Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Bagi Sub-Program Kapur	6
6.1	Mengenalpasti Lokasi	6
6.2	Mengesahkan Permohonan dan Mengeluarkan Arahan Kerja Kepada NAFAS/Pembekal	6-7
6.3	Mengarahkan dan Melaksanakan Kerja-Kerja Pengapuran oleh NAFAS/Pembekal	7
6.4	Tuntutan Bayaran oleh Pembekal	7-8
7.	Peranan dan Tanggungjawab Jabatan dan Agensi	
7.1	Peranan dan Tanggungjawab Jabatan dan Agensi	8-10
7.2	Jawatankuasa-Jawatankuasa	10-13
7.3	Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa	13-16
8.	Keperluan Kapur	
8.1	Anggaran Keperluan Kapur	16-17
8.2	Penangguhan dan Pembatalan Penghantaran Kapur	17

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
9.	Kawalan dan Penyeliaan	17
10.	Penutup	18
11.	<i>Glossary</i>	19

Lampiran

1. Maklumat Kerja-Kerja Pengapuran (Lampiran1)
2. Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran (Lampiran 2)
3. Anggaran Keperluan Kapur (Lampiran 3)
4. Laporan Kapur Lewat Dibekalkan (Lampiran 4)

MANUAL PELAKSANAAN INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS NEGARA BAGI SUB-PROGRAM : KAPUR

1. TUJUAN

Dokumen ini disediakan untuk memaklumkan mengenai kaedah pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara bagi sub-program Kapur. Kaedah pelaksanaan ini meliputi dasar pemberian kapur, perolehan, pembekalan dan kerja-kerja pengapuran serta pemantauan operasi Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara.

Dokumen ini diterimapakai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pengecualian diberikan kepada Negeri Sabah, Negeri Sarawak, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) iaitu dengan membenarkan sedikit perubahan dibuat mengikut keadaan setempat yang tidak melibatkan perubahan dasar daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA).

2. LATARBELAKANG

2.1 Peningkatan permintaan beras di peringkat antarabangsa dan kekurangan bekalan telah menimbulkan cabaran dalam menjamin bekalan makanan negara yang mencukupi. MoA telah diberi tanggungjawab untuk menangani krisis ini dan menentukan bekalan makanan negara mencukupi. Sehubungan dengan itu, Kerajaan pada 2 Mei 2008 telah meluluskan Program Dasar Jaminan Makanan Nasional (2008-2010) yang mengandungi langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi meningkatkan produktiviti sektor agro makanan termasuk peningkatan pengeluaran beras.

- 2.2 Susulan daripada masalah ini, tindakan 'Quick Win' bagi meningkatkan produktiviti padi dirangka bagi meningkatkan kesuburan tanah dengan mengurangkan kemasaman tanah melalui pengapuran dan penggunaan *soil conditioner*.
- 2.3 Tumpuan utama pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara bagi sub-program kapur adalah di kawasan-kawasan penanaman padi dua musim setahun. Namun demikian skim ini juga tidak mengabaikan kawasan-kawasan penanaman padi satu musim.

3. TUJUAN INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS NEGARA

Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara telah diperkenalkan untuk memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara. Selain dari itu insentif ini adalah bertujuan untuk :

- 3.1 Meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara;
- 3.2 Meningkatkan pengeluaran beras dengan memperkukuhkan khidmat sokongan dan pemberian subsidi serta pembayaran insentif;
- 3.3 Menambah pengeluaran dengan meningkatkan intensiti penanaman dan pembukaan kawasan baru bagi tempoh jangka panjang;
- 3.4 Memodenkan aktiviti tanaman padi dengan penggunaan baja berkualiti yang ekonomi, sistematik dan berkesan;
- 3.5 Meningkatkan pengeluaran padi dan dapat menambahkan pendapatan penanam padi; dan
- 3.6 Sebagai insentif kepada petani mengusahakan tanaman sawah bagi meningkat pengeluaran padi negara di samping mengurangkan pengimportan beras.


4.0 DASAR PEMBERIAN KAPUR

- 4.1 Pemberian bantuan kapur melalui Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur ini meliputi semua kawasan padi. Kadar diberi tiga (3) tahun sekali.
- 4.2 Insentif ini diberi kepada pengusaha tanaman padi yang layak dan berdaftar dengan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP).
- 4.3 Insentif diberikan kepada pengusaha tanaman padi samada ianya diusahakan di atas tanah sendiri, sewa, pajak atau kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dan mengusahakan tanaman padi atau lain-lain kawasan yang diluluskan oleh pihak yang berkuasa.
- 4.4 Pengusaha tanaman padi yang layak diberikan bantuan kapur hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut :
 - i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur 18 tahun ke atas;
 - iii. Memiliki tanah bergeran atau surat pengesahan Pegawai Tanah atau 'Land Authority' yang dikeluarkan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah sahaja;
 - iv. Pesawah/pengusaha yang menyewa tanah bergeran atau tanah yang mempunyai surat arahan pengukuran (termasuk tanah adat bagi Negeri Sabah dan Sarawak);
 - v. Pesawah yang berdaftar dengan LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak;
 - vi. Pengusaha sawah padi samada syarikat atau individu yang berdaftar;
 - vii. Tiada had keluasan maksimum pemberian kapur; dan
 - iv. Lain-lain syarat yang akan diberitahu dari masa ke semasa.

5. **PENGENDALIAN PROGRAM INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS BAGI SUB-PROGRAM KAPUR**

Program pengapuran ini melibatkan peranan daripada pelbagai pihak. MoA adalah sebagai pemegang dasar dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai penyelaras program. Manakala Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Jabatan Pertanian Negeri dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) sebagai Agensi Penyelia kepada skim ini. Peranan besar juga dipikul oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)/Pembekal sebagai membekal dan menjalankan kerja-kerja pengapuran. **Rajah 1** menunjukkan Carta Pengendalian Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur.

RAJAH 1 : ALIRAN KERJA PENGENDALIAN INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS BAGI SUB-PROGRAM KAPUR



6. MODUS OPERANDI INSENTIF MENINGKATKAN PENGELUARAN BERAS BAGI SUB-PROGRAM KAPUR

6.1 Mengenalpasti Lokasi

6.1.1 Penerima Insentif Program Pengapuran ini adalah terdiri daripada pesawah-pesawah atau syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan SBPKP.

6.1.2 IADA/MADA/KADA/DoA Negeri (Agensi Penyelia) hendaklah mengenalpasti kerja-kerja pengapuran mengikut lokasi (unit/kampung), keluasan, kos, kuantiti, bilangan petani terlibat, tarikh jangkaan dibuat dan tarikh jangkaan disiapkan seperti di **Lampiran 1**.

6.1.3 Agensi pelaksana perlu mengenalpasti kerja-kerja pengapuran di setiap lokasi melibatkan penggunaan jentera atau manual. Ini bagi memudahkan sub-kontraktor merancang pelaksanaan kerja-kerja pengapuran.

6.1.4 IADA/MADA/KADA/DoA Negeri perlu mengemukakan maklumat yang lengkap (**lampiran 1**) bagi setiap lokasi **SECARA BERTULIS** kepada LPP bagi tujuan rekod LPP.

6.1.5 Memastikan setiap penangguhan kerja-kerja pengapuran dikemukakan **SECARA BERTULIS** kepada NAFAS/Pembekal dengan menetapkan tarikh hantaran baru yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak (NAFAS/Pembekal dan Agensi Penyelia)

6.2 Mengesahkan Permohonan dan Mengeluarkan Arahan Kerja kepada NAFAS/Pembekal

6.2.1 Agensi Penyelia perlu mengemukakan kepada NAFAS/Pembekal Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran yang telah diperakukan seperti di **Lampiran 2**.

6.2.2 Borang ini hendaklah dibuat dalam 5 salinan iaitu satu salinan kepada NAFAS (putih), satu salinan kepada IADA/MADA/KADA/DoA Negeri (merah jambu), satu salinan kepada LPP Negeri (kuning), satu salinan kepada PPK (biru) dan

satu salinan di buku (hijau).

6.2.3 Borang ini didatangkan dalam lima (5) salinan iaitu salinan berwarna putih, kuning dan biru perlu diserahkan kepada NAFAS, merah jambu untuk salinan Agensi Penyelia (MADA, KADA, IADA dan DoA) dan hijau untuk salinan dalam buku. Sekiranya borang yang dibekalkan tidak mencukupi, Agensi Penyelia boleh memohon kepada Bahagian Perniagaantani, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur. Bagi tujuan rekod fail sub-kontraktor dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah seliaan, salinan fotokopi boleh diserahkan sebagai rujukan.

6.3 Mengarahkan dan Melaksanakan Kerja-Kerja Pengapuran oleh NAFAS/Pembekal

6.3.1 NAFAS/Pembekal hendaklah membekalkan kapur dan menjalankan kerja-kerja pengapuran dalam tempoh empat puluh lima (45) hari dari tarikh pembekal menerima pesanan dalam Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran.

6.3.2 NAFAS perlu memastikan sub-kontraktor menjalankan kerja-kerja pengapuran dengan sempurna di kawasan yang telah ditetapkan.

6.4 Tuntutan Bayaran oleh Pembekal

6.4.1 NAFAS hendaklah memperakui dari segi mutu pembekalan kapur dan pelaksanaan kerja-kerja pengapuran dilaksanakan seperti arahan dalam borang tersebut.

6.4.2 NAFAS akan mengemukakan Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran kepada Agensi Penyelia untuk pengesahan kesempurnaan kerja-kerja tersebut.

6.4.3 LPP hendaklah menyokong dan memperakukan tuntutan tersebut bagi membolehkan MoA membuat pembayaran.

6.4.4 NAFAS menuntut bayaran kepada MoA dengan mengemukakan perkara berikut :

- (i) Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran yang telah disahkan oleh Agensi Penyelia dan diperakukan oleh LPP; dan
- (ii) Bil/Resit.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN DAN AGENSI

7.1 Peranan MoA, jabatan dan agensi lain adalah sebagai sokongan kepada pengendalian kapur dan juga memainkan peranan penting bagi memantapkan lagi pengurusan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur.

7.1.1 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

- Menetapkan dasar pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur;
- Menyedia anggaran belanjawan tahunan;
- Membuat tawaran untuk membekal kapur dan melaksanakan kerja-kerja pengapuran serta mengikat kontrak dengan pembekal;
- Memastikan pembekal mematuhi terma-terma kontrak; dan
- Menyelaras semua aktiviti jabatan/agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur.

7.1.2 LPP IBU PEJABAT/LPP NEGERI

- Menyelaras pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur;
- Memantau vot;
- Semakan dan perakuan bil tuntutan perkhidmatan pembekalan kapur dan kerja-kerja pengapuran;
- Mengemukakan laporan kepada MoA; dan
- Melaporkan kepada Jawatankuasa Penyeliaan dan

Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP).

7.1.3 IADA/MADA/KADA/DoA NEGERI

- Mengenalpasti lokasi, keluasan, kos, kuantiti, bilangan petani, tempoh mula dan siap kerja;
- Mengemukakan Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran kepada NAFAS;
- Menyelia pelaksanaan kerja-kerja pembekalan kapur dan kerja-kerja pengapuran di kawasan kendalian;
- Memberi perakuan pengesahan kerja-kerja pengapuran dilaksanakan dengan sempurna dalam Borang Permohonan dan Pengesahan Kerja-Kerja Pengapuran; dan
- Mengemukakan laporan prestasi kerja ke LPP Ibu Pejabat/LPP Negeri.

7.1.4 NAFAS/Pembekal

- Membekal kapur dan menjalankan kerja-kerja pengapuran sebagaimana kontrak yang ditandatangani dengan kerajaan;
- Melantik sub-kontraktor kerja-kerja pengapuran;
- Memastikan bahan yang dibekalkan mencukupi dan mengikut spesifikasi; dan
- Memastikan kerja-kerja pengapuran dilaksanakan dengan sempurna oleh sub-kontraktor.

7.1.5 Pertubuhan Peladang Kawasan

- Membantu penyeliaan kerja-kerja pengapuran oleh sub-kontraktor yang dilantik oleh NAFAS.

7.1.6 Jabatan Pertanian Ibu Pejabat

- Mengambil contoh dan menjalankan analisis kandungan kapur bagi memastikan kualiti kapur menepati spesifikasi; dan

- Laporan hasil kajian hendaklah dikemukakan kepada MoA, NAFAS, LPP, MADA, KADA IADA dan Jabatan Pertanian Negeri.

7.1.7 MARDI


- Menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan penanaman padi dan lain-lain penyelidikan.

7.2 Jawatankuasa-Jawatankuasa

7.2.1 Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras

Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MoA berkuatkuasa mulai 9 Mac 2007. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MoA, MARDI, Jabatan Pertanian, LPP, KADA, MADA, Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian Sabah. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Struktur aliran kuasa adalah seperti di **Rajah 2**.

RAJAH 2 : Struktur Aliran Kuasa



7.2.2 Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP)

Bagi memantapkan penyeliaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras, Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP) dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LPP. LPP telah dilantik oleh MoA berkuatkuasa mulai 1 Februari 1997. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MoA, Jabatan Pertanian, KADA, MADA dan Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Zon-Zon Utara, Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak. NAFAS/Pembekal turut hadir sama dalam mesyuarat jika perlu. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun dan membincangkan perkara-perkara berikut :

- (i) Laporan Peruntukan Pembekalan dan Bayaran Perkhidmatan;
- (ii) Laporan Penghantaran Baja;
- (iii) Laporan Pesanan dan Penerimaan Baja;
- (iv) Laporan Kualiti Baja;
- (v) Laporan Jawatankuasa Teknikal; dan
- (vi) Isu-isu semasa Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras.

7.2.3 Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP) Peringkat Zon


Untuk memperkemaskan lagi pengurusan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras, lima lagi jawatankuasa ditubuhkan di peringkat zon yang merangkumi negeri-negeri seperti berikut :

- a. Zon Utara - Perlis, Kedah, Pulau Pinang MADA dan IADA
- b. Zon Tengah - Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan IADA
- c. Zon Timur - Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor KADA dan IADA

- d. Zon Sabah - Pengarah LPP Sabah
- e. Zon Sarawak - Pengarah Jabatan Pertanian Sarawak

Jawatankuasa zon dipengerusikan oleh Pengarah LPP Kedah, Perak, Kelantan, Sabah dan Sarawak mengikut zon masing-masing. Jawatankuasa dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan diadakan sebelum Mesyuarat JPP. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah terdiri dari Pengarah LPP Negeri, Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak, MADA, KADA dan pegawai-pegawai berkaitan dari MoA di bawah MoA di zon-zon berkenaan. **(Rajah 3)**

RAJAH 3 : CARTA JPP MENGIKUT ZON



7.2.4 Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa Teknikal ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MARDI. Jawatankuasa ini membekalkan maklumat teknikal kepada Jawatankuasa JPP dalam isu-isu yang berkaitan dengan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras serta isu-isu lain yang berkaitan dengannya. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil MoA,

Jabatan Pertanian, KADA, MADA dan LPP. NAFAS/Pembekal turut hadir sama dalam mesyuarat jika perlu. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun.

7.3 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa

7.3.1 Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras, MoA

Jawatankuasa ini telah dibentuk bagi menilai dan memperakukan isu-isu pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan teknikal. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada kedua-dua JPP dan Jawatankuasa Teknikal. Sebarang keputusan berkaitan dasar perlu dibawa kepada Jawatankuasa Dasar di peringkat MoA. Fungsi dan tugas jawatankuasa merangkumi bidang kerja seperti berikut :

- (a) Menyediakan dan menyemak dasar-dasar berkaitan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi (IPP), Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada Kerajaan kepada industri padi dan beras;
- (b) Membincang, menilai dan memperakukan cadangan-cadangan yang memerlukan keputusan dasar daripada jawatankuasa-jawatankuasa lain yang bertanggungjawab kepada jawatankuasa ini;
- (c) Membincangkan, menilai dan memperakukan permohonan peruntukan tambahan bagi pelaksanaan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada Kerajaan kepada industri padi dan beras;
- (d) Mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan dasar-dasar yang berkaitan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan

bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada Kerajaan kepada industri padi dan beras; dan

- (e) Mengemukakan cadangan-cadangan penambahbaikan dasar-dasar yang berkaitan SBPKP, Insentif Pengeluaran Padi, Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dan bantuan-bantuan input pertanian yang lain daripada kerajaan kepada industri padi dan beras.

7.3.2 Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JPP)

Bagi mencapai matlamat penubuhan, fungsi dan tugas jawatankuasa merangkumi bidang kerja seperti berikut:

- 7.3.2.1 Menyedia dan mencadangkan dasar-dasar, manual pelaksanaan dan garis panduan yang berkaitan dengan pemberian Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras;
- 7.3.2.2 Membenteng dasar-dasar yang dicadangkan kepada Jawatankuasa Dasar dan mendapatkan perakuan dan kelulusan;
- 7.3.2.3 Menentukan dasar-dasar kerajaan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan;
- 7.3.2.4 Memantau dan menyelaras pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi memastikan baja sampai kepada golongan sasaran;
- 7.3.2.5 Menyediakan anggaran peruntukan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras;
- 7.3.2.6 Menentukan pendaftaran dan semakan pendaftaran pesawah dan pemilik jentera dibuat oleh PPK;
- 7.3.2.7 Menentukan kualiti dan kuantiti baja memenuhi spesifikasi yang ditetapkan;
- 7.3.2.8 Menentukan pesanan pembekalan baja oleh pembekal dibuat tepat pada masanya;

- 7.3.2.9 Menentukan stok dan stor baja diurus dan diselenggara dengan baik;
- 7.3.2.10 Menentukan baja-baja yang telah rosak dilupus mengikut prosedur yang ditetapkan;
- 7.3.2.11 Menentukan tuntutan bayaran dibuat oleh PPK dan dibayar tepat pada masanya;
- 7.3.2.12 Menentukan tuntutan bayaran dibuat oleh pemilik jentera dan dibayar tepat pada masanya;
- 7.3.2.13 Menentukan PPK melaksanakan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras mengikut Manual Pelaksanaan yang telah diperakukan oleh MoA; dan
- 7.3.2.14 Membincang hal-hal lain yang berkaitan dengan isu bantuan kepada industri padi dan beras.

7.3.3 Jawatankuasa Teknikal

Fungsi dan tugas jawatankuasa merangkumi bidang kerja seperti berikut :

- (a) Membuat penilaian teknikal ke atas input pertanian yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat pembekal input pertanian untuk pertimbangan kerajaan sebagai input baru baru atau baja alternatif terutamanya berkaitan dengan skim baja subsidi kerajaan;
- (b) Membekalkan khidmat teknikal dalam menentukan keperluan input pertanian mengikut kawasan, kesahihan formulasi, keberkesanan penggunaannya dengan kaedah yang piawai dan lain-lain seperti yang diperlukan oleh Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras serta mencadangkan kajian-kajian lanjut yang perlu dijalankan dalam menangani isu-isu tersebut;
- (c) Mencadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan akan varieti-varieti padi yang boleh diperakui sebagai varieti-

varieti padi yang layak untuk mendapatkan subsidi input pertanian dan harga;

- (d) Membekalkan maklumat-maklumat teknikal yang lain seperti yang diminta oleh MoA dan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras dari semasa ke semasa;
- (e) Mencadangkan kepada Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras, MoA bagi pengishtiharan dan pengesyoran sesuatu varieti padi hibrid/inbred baru berdasarkan daripada rekomendasi Jawatankuasa Kecil Khas Penilaian Varieti Padi;
- (f) Menerima maklumbalas dari pengguna mengenai sesuatu varieti yang disyorkan; dan
- (g) Mencadangkan untuk menerus atau membatalkan pengesyoran sesuatu varieti yang telah diistihar dan disyor berdasarkan daripada rekomendasi terbaru dari Jawatankuasa Kecil Khas Penilaian Varieti Padi.

8. KEPERLUAN KAPUR

8.1 Anggaran Keperluan Kapur

8.1.1 Anggaran keperluan kapur oleh setiap Agensi Penyelia perlu dibuat untuk setiap tahun selewat-lewatnya sebelum November tahun sebelumnya seperti format di **Lampiran 3**.

8.1.2 Anggaran keperluan kapur ini akan digunakan sebagai asas untuk keperluan belanjawan tahunan.

8.2 Penangguhan dan Pembatalan Penghantaran Kapur

Sebarang penangguhan dan pembatalan jadual pengapuran hendaklah dimaklumkan kepada NAFAS **SECARA BERTULIS** dan satu salinan ke LPP Ibu Pejabat.

9. KAWALAN DAN PENYELIAAN

9.1 IADA/MADA/KADA/DoA Negeri adalah bertanggungjawab kepada JPP Zon Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur dan dikehendaki menyediakan laporan setiap kali mesyuarat diadakan iaitu tiga kali setahun. Laporan yang perlu dikemukakan adalah seperti di **lampiran 4** :

Kapur 1 - Laporan Kelewatan Kerja-Kerja Pengapuran.

9.2 Kapur 1- Laporan Kapur Lewat Di Bekalkan

- Laporan kelewatan pelaksanaan kerja-kerja pengapuran bermaksud pengapuran yang dibuat tidak menepati jadual yang ditetapkan.

10. PENUTUP

Pelaksanaan Manual Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras bagi sub-program kapur ini bagi memastikan bekalan beras negara yang stabil dan mencukupi selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara setelah mengambil kira perubahan-perubahan semasa. Walau bagaimanapun pemantapan dan penambahbaikan akan dibuat secara berterusan tertakluk kepada arahan-arahan dan perubahan dasar kerajaan.

Penggubalan Pertama :

Cawangan Insentif Pertanian,
Bahagian Perniagaantani,
Lembaga Pertubuhan Peladang.
20 September 2008

Pindaan Kedua :

Merujuk Kepada Pekeliling Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA) bil. 2/2009 bertarikh
28 April 2009

Glossary

BIL	PERKARA	DEFINISI
1.	Musim 1	Aktiviti penanaman padi bermula dari bulan Januari hingga Jun
2.	Musim 2	Aktiviti penanaman padi bermula dari bulan Julai hingga Disember
3.	Sawah	Tanah yang bencah (digenangi air) tempat menanam padi, bendang
4.	Bersawah	Mempunyai sawah
5.	Menyawah	Bekerja menanam padi di sawah
6.	Pesawah	Orang yang kerjanya bersawah
7.	Stokis	Stokis adalah PPK yang dilantik untuk menyimpan dan mengedar baja SBPKP
8.	Pengusaha Tanaman Padi	Petani yang mengusahakan penanaman padi di atas tanah sendiri atau sewaan yang didaftarkan kepada PPK bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak
9.	Agensi Penyelia	IADA/MADA/KADA/DoA Negeri
10.	Pelaksana	Pembekal dan Sub-Kontraktor
11.	Kawasan Jelapang	IADA/MADA/KADA
12.	Kawasan Luar Jelapang	DoA Negeri



LAMPIRAN 1

MAKLUMAT KERJA-KERJA PENGAPURAN

MAKLUMAT KERJA-KERJA PENGAPURAN TAHUN _____

NEGERI/AGENSI :

BIL	LOKASI (Kampung/Unit)	KELUASAN	KOS	KAPUR (MT)	BIL PETANI	TARIKH JANGKAAN DIBUAT (TARIKH)	TEMPOH DISIAPKAN (TARIKH)



LAMPIRAN 2

BORANG PERMOHONAN DAN PENGESAHAN KERJA-KERJA PENGAPURAN



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

No. Siri : LPP/Kapur 0000000

BORANG PERMOHONAN DAN PENGESAHAN
KERJA-KERJA PENGAPURAN

Asal

Hendaklah dikembalikan
Dengan invois tuan

Pesanan ini akan dibatalkan jika barang-barang
tidak diterima sebelum tarikh yang disebut

Kepada :

Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
Lot 9, Jalan 241, Seksyen 51 A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor

TARIKH PERLU

Tempoh akhir penyerahan bekalan/kerja/perkhidmatan : _____
Sila bekalkan barang-barang/laksanakan kerja-kerja/perkhidmatan yang dicatatkan di bawah :

Negeri/Agensi :

Lokasi (Negeri/Kampung/Unit)	Butir-butir Kerja	Harga Seunit (RM850@ha)	Jumlah (RM)
	Membekal kapur dan melaksanakan kerja-kerja pengapuran dengan menggunakan jentera pengapuran atau secara manual. Keluasan : _____ ha Mt : _____		

Amaun (dalam perkataan)
RINGGIT MALAYSIA MYR _____

Ruj. IADA/MADA/KADA/DoA Negeri : _____
Ruj. Panduan/kontrak perbendaharaan : _____
(*rujuk surat kuasa berbelanja kepada Agensi Penyelia*)

(Tandatangan) _____
Nama : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

**IADA/MADA/
KADA/DoA
NEGERI**

PEMBAYARAN TIDAK AKAN DIBUAT JIKA PERAKUAN MENGENAI MUTU TIDAK DIPENUHKAN ATAU
JIKA NASKAH INI TIDAK DIKEMBALIKAN

PERAKUAN MENGENAI MUTU
(Hendaklah dipenuhi oleh pembekal)

Saya memperakui telah membekalkan barang-barang * atau telah melaksanakan kerja yang tersebut seperti
yang diarahkan.

Tarikh : _____

Tandatangan Pembekal : _____

PEMBEKAL

PERAKUAN PENGESAHAN PENERIMAAN

Saya mengesah dan berpuashati kerja-kerja pengapuran seperti di atas telah dilaksanakan dengan
sempurna oleh pembekal :

Tandatangan Pegawai : _____
MADA/KADA/IADA/DoA NEGERI
Jawatan : _____
Tarikh : _____

**TARIKH
DISIAPKAN**

**IADA/MADA
/KADA/ DoA
NEGERI**

SOKONGAN PERAKUAN (diisi oleh Pegawai LPP)

Saya sahkan tuntutan ini adalah betul dan menyokong bayarannya berjumlah RM _____

Tandatangan : _____
Jawatan : _____
Tarikh : _____

**LPP KL/LPP
NEGERI**



LAMPIRAN 3

ANGGARAN KEPERLUAN KAPUR

JUMLAH KELUASAN KAWASAN DALAM JELAPANG YANG PERLU DIKAPUR MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN _____

BIL	JABATAN/AGENSI	TAHUN 2008/2009/2010												JUMLAH
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
1	MADA													
2	KADA													
3	IADA P.PINANG													
4	IADA KSM													
5	IADA KEMASIN													
6	IADA SB PERAK													
7	IADA PBL5													
8	IADA KETARA													
													Jumlah	

JUMLAH KELUASAN KAWASAN LUAR JELAPANG YANG PERLU DIKAPUR MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN _____

BIL	JABATAN/AGENSI	TAHUN 2008/2009/2010												JUMLAH
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
1	KEDAH													
2	PERLIS													
3	P.PINANG													
4	PERAK													
5	JOHOR													
6	PAHANG													
7	KELANTAN													
8	SELANGOR													
9	TERENGGANU													
10	N.SEMBILAN													
11	MELAKA													
12	SABAH													
13	SARAWAK													
													Jumlah	



LAMPIRAN 4

LAPORAN KAPUR LEWAT DIBEKALKAN

**LAPORAN PESANAN DAN PENERIMAAN KAPUR
DENDA KERANA KAPUR LEWAT DIBEKALKAN
BAGI MUSIM: _____**

PPK	Pesanan Kapur					Penerimaan Kapur					Tempoh Hantar	* Bil. Hari Lewat	Harga Seunit	Denda	Catatan
	Tarikh	No. Pesanan	Tarikh Perlu Kapur	Jenis Kapur	Kuantiti (Beg)	Tarikh Nota Hantaran	No. Nota Hantaran	Tarikh Terima	Jenis Kapur	Kuantiti (Beg)					
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j					
Jumlah															

* Nota:

Nilai Negatif - Tiada denda lewat

Nilai Positif - Denda lewat dikenakan mengikut bilangan hari